



**UNIVERSITI
MALAYA**

PUSAT PERUBATAN UM

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janjitemu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

Hadir lebih awal dari masa janjitemu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

**JABATAN
PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN
*ULTRASOUND***

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79493523 /2526 (kaunter janjitemu)

Sila simpan nombor-nombor kaunter janjitemu Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan di dalam telefon bimbit anda sebagai rujukan sekiranya terdapat pindaan pada tarikh janjitemu dari pihak PPUM (03-7949 4411/ 4444/4455/ 4477/ 4488/ 4499).

JANJITEMU:

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:

MASA:.....PAGI/PETANG

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

NOTA PENTING!!!!

Sila lihat di mukasurat belakang brosur

Pemeriksaan Ultrasound

1. Apakah itu ultrasound?

Ultrasound adalah pemeriksaan radiologi yang menggunakan gelombang bunyi untuk menghasilkan imej-imej organ dalaman.

2. Mengapa kita perlu menjalankan prosedur ini?

Pemeriksaan ultrasound menghasilkan pengimejan yang terperinci ke atas organ dalaman untuk tujuan diagnosa yang tepat.

3. Bagaimana prosedur ini dijalankan?

Gel ultrasound akan digunakan ke atas badan pesakit bagi membenarkan gelombang bunyi dihantar ke dalam badan melalui 'transducer' ultrasound. Gelombang bunyi yang dihantar ke dalam badan akan dipantul kembali ke 'transducer' dan imej ultrasound akan terhasil.

4. Adakah prosedur ini menggunakan sinaran radiasi?

Pemeriksaan ultrasound tidak menggunakan sinaran radiasi.

5. Adakah semua pesakit yang menjalankan prosedur ini perlu berpuasa?

a) Pemeriksaan Leher/ otot/ anggota atas dan bawah:

Pesakit tidak perlu berpuasa.

b) Pemeriksaan Abdomen (Perut, hati, pundi hempedu, limpa):

Pesakit perlu berpuasa.

c) Pemeriksaan buah pinggang / pelvis (pundi kencing, ovari, uterus)

Pesakit tidak perlu berpuasa tetapi dikehendaki minum sebanyak 2-3 gelas air kosong sejam sebelum pemeriksaan bagi memastikan pundi kencing penuh untuk tujuan mendapatkan diagnosa yang tepat.

Janjitemu pagi:

Anda tidak dibenarkan makan selepas jam 10 malam sebelum hari pemeriksaan. Anda dibenarkan minum air termasuk kopi/teh tanpa susu.

Janjitemu petang:

Sila berpuasa selepas sarapan pagi. Anda dibenarkan minum air termasuk kopi/teh tanpa susu.

Kanak-kanak : Kanak-kanak perlu berpuasa 4 jam sebelum pemeriksaan (air kosong dibenarkan)